

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN)**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan untuk melaksanakan projek-projek perumahan mampu milik (seperti PR1MA) yang baharu kepada rakyat yang menetap di Terengganu khususnya di Dungun.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif serta berdaya huni, khususnya kepada golongan B40 dan M40. Justeru, saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat dalam memastikan projek-projek perumahan mampu milik terus diberi perhatian.

Kerajaan akan terus komited untuk meningkatkan bekalan Rumah Mampu Milik (RMM) selaras dengan prestasi yang telah digariskan dalam RMKe-12. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, KPKT telahpun melaksanakan projek-projek RMM di negeri Terengganu. Ini termasuklah:

## SOALAN NO : 17

- i. Program Perumahan Rakyat (PPR) - setakat ini terdapat 1 projek yang telah siap dibina (PPR Padang Hiliran) pada tahun 2015 melibatkan 1,002 unit rumah, 1 projek dalam pembinaan (PPR Kuala Nerus) melibatkan 500 unit rumah yang dijangka siap pada tahun hadapan dan 1 projek dalam perancangan (PPR Besut) melibatkan 450 unit rumah yang akan dimulakan pembinaan dalam masa yang terdekat. Jumlah unit keseluruhan PPR di Terengganu adalah sebanyak 1,952 unit rumah;
- ii. Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) - setakat ini terdapat 6,673 unit yang telah siap dibina, 722 unit masih dalam pembinaan dan 567 unit rumah masih dalam perancangan. Di Dungun sahaja, bagi RMR setakat ini terdapat 758 unit rumah yang telah siap dibina, 73 unit rumah dalam pembinaan dan 35 unit rumah dalam perancangan;
- iii. Kediaman SPNB - setakat ini 318 unit dalam pembinaan dan 213 unit rumah dalam perancangan. Di Dungun sahaja, terdapat 70 unit rumah dalam pembinaan; dan
- iv. Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) - terdapat 12 projek PPAM melibatkan 515 unit rumah di mana 10 projek telah siap melibatkan 455 unit dengan 3 daripadanya terletak di Dungun (125 unit). Bagi dua projek yang masih dalam pembinaan, satu projek adalah di Kemaman melibatkan 16 unit manakala satu lagi projek adalah di Marang yang masih dalam pembinaan (fasa1 & fasa 2 melibatkan 185 unit) dan dijangka siap pada tahun 2024.

Sekian, terima kasih